

Headline	MoU DBKL, FRIM bagi program penghijauan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	L-27	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	288 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,692
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,076



MoU DBKL, FRIM bagi program penghijauan

KUALA LUMPUR 10 Mac - Memo-
randum persefahaman (MoU) an-
tara Dewan Bandaraya Kuala Lum-
pur (DBKL) dan Institut Penyeli-
dikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
bagi memperhebatkan program
penghijauan di bandaraya ini dalam
peringkat akhir.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Da-
tuk Seri Ahmad Phesal Talib, ber-
kata, pihaknya masih perlu memuk-
tamadkan beberapa perkara teru-
tama mengenai pasti jenis pokok
hutan yang sesuai ditanam di ban-
daraya ini.

Menurutnya, perkongsian pintar
antara DBKL dan FRIM merupakan
sebahagian langkah mewujudkan
kelestarian persekitaran Kuala
Lumpur untuk sentiasa segar de-
ngan membawa pokok hutan ke ka-
wasan bandar melalui konsep hutan
bandar.

"FRIM merupakan agensi yang
diiktiraf di peringkat antarabangsa di
mana mempunyai kepakaran untuk
tujuan pengawasan, penyediaan po-
kok-pokok melalui teknik penana-

man dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam
sidang akhbar selepas merasmikan
Program Penanaman Pokok di Pusat
Latihan Polis (Pulapol), Jalan Se-
marak, di sini, semalam.

Pada program tersebut, sebanyak
246 batang pokok rendang dan 1,800
pokok renek ditanam dengan peng-
libatan 595 pelatih polis di situ.

Dalam masa sama, Ahmad Phesal
berkata, DBKL kini dalam proses
menaiktaraf enam taman di ibu kota
yang telah dikenal pasti untuk di-
tingkatkan dari segi kemudahan
peralatan rekreasi dan juga penam-
bahaan koleksi pokok.

Katanya, ia juga seiring dengan
penubuhan 'Sahabat Taman' yang
berperanan memastikan kemudahan
di taman-taman terlibat terjaga.

"Ada juga tawaran daripada ba-
dan bukan kerajaan (NGO) yang ma-
hu bersama-sama mewujudkan 'Sa-
habat Taman' ini iaitu di Taman
Pudu Ulu, Bukit Jalil, Taman Botani,
Taman Metropolitan Batu dan Me-
tropolitan Kepong," katanya.



SEBAHAGIAN pelatih polis bergotong-royong menanam pokok sempena perasmian Program Penanaman Pokok Bagi Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Jalan Semarak di Kuala Lumpur, kelmarin.